PERSEPSI ORANG RAMAI DI PERMATANG PAUH TERHADAP KEKURANGAN PEMANDU LORI YANG MAHIR DI MALAYSIA

10DLS14F2021	MUHAMMAD NADZRIN BIN ROSLI
10DLS14F2029	MUHAMMAD IZZAT NAUFAL BIN AHMAD MARZUKI
10DLS14F2051	SURIANA BIN RAMLI
10DLS14F2059	MUHAMMAD ALIFF BIN GHAZALI
10DLS15F1029	IMRAN HAKIM BIN HAMZAH

LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH DIPLOMA LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN

JABATAN PERDAGANGAN

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

JUN 2017

PERSEPSI ORANG RAMAI DI PERMATANG PAUH TERHADAP KEKURANGAN PEMANDU LORI YANG MAHIR DI MALAYSIA

NAMA	NO.PENDAFTARAN
MUHAMMAD NADZRIN BIN ROSLI	10DLS14F2021
MUHAMMAD IZZAT NAUFAL BIN AHMAD MARZUKI	10DLS14F2029
SURIANA BIN RAMLI	10DLS14F2051
MUHAMMAD ALIFF BIN GHAZALI	10DLS14F2059
IMRAN HAKIM BIN HAMZAH	10DLS15F1029

DIPLOMA LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN

JABATAN PERDAGANGAN

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

SESI JUNE 2017

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk "**Persepsi Orang Ramai di Permatang Pauh Terhadap Kekurangan Pemandu Lori Yang Mahir di Malaysia**" ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan.

Disemak Oleh:

Nama Penyelia : Puan Rohani Binti Yusof

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Disahkan Oleh:

Nama Pensyarah Kursus : Puan Fariza Binti Ahmad Mahyudin

Tandatangan Pensyarah Kursus :

Tarikh :

PENGAKUAN


Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.


1. Tandatangan :
   Nama Pelajar : Muhammad Nadzrin Bin Rosli
   No Pendaftaran : 10DLS14F2021
   Tarikh : 13/10/2017

2. Tandatangan :
   Nama Pelajar : Muhammad Izzat Naufal Bin Ahmad Marzuki
   No Pendaftaran :10DLS14f2029
   Tarikh : 13/10/2017

3. Tandatangan :
   Nama Pelajar : Suriana Binti Ramli
   No pendaftaran : 10DLS14F2059
   Tarikh : 13/10/17

4. Tandatangan :
   Nama Pelajar : Muhammad Alif Bin Ghazali
   No pendaftaran : 10DLS14F2059
   Tarikh : 13/10/2017

5. Tandatangan : 
   Nama Pelajar : Muhamad Haziq Bin Muhamad Fauzi
   No Pendaftaran : 10DLS14F2033
   Tarikh : 13/10/17

6. Tandatangan : 
   Nama Pelajar : Imran Hakim Bin Hamzah
   No pendaftaran : 10DLS14F2059
   Tarikh : 13/10/17

PENGHARGAAN

Izinkan kami memulakan penghargaan ini dengan kesyukuran kepada ALLAH S.W.T yang Maha Berkuasa kerana limpah kurnianya kami sekumpulan dapat menyiapkan laporan penyelidikan ini dengan sempurna dan lengkap di man kami dapat juga menghasilkan serta menyiapkan tugasan ini dengan jayanya.

Di kesempatan ini, kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua-dua ibu bapa kami yang banyak memberikan semangat untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberikan kami segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sehingga kami berjaya menghabiskan tugasan ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Politeknik Seberang Perai dan juga pensyarah yang mengajar dan banyak membantu kami dalam menyelesaikan kajian ini, iaitu Puan Fariza Binti Ahmad Mahyadin yang telah banyak membuka ruang kepada kami untuk menyiapkan tugasan ini dengan berjayanya. Jutaan terima kasih juga kami ucapkan kepada Puan Rohani Binti Yusof iaitu penyelia kami yang telah memberi tunjuk ajar dan pendedahan ketika sesi perjumpaan. Segala tunjuk ajar yang dibenarkan amat dihargai dan akan dijadikan sebagai satu pengalaman serta panduan untuk digunakan pada masa hadapan suatu hari nanti.

Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada orang awam, sebagai responden yang banyak memberikan kerjasama kepada kami sewaktu kajian ini dijalankan. Akhir sekali, terima kasih kepada ahli-ahli kumpulan yang bertungkus lumus dan berkerjasama dalam menyiapkan kertas projek ini dan mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam penyelidikan ini. sekian, Wassalam

ABSTRAK

Industri logistik merupakan salah satu perkara penting penyumbang terbesar kepada Malaysia tetapi kini Industri logistic menghadapi cabaran besar akibat kekurangan pemandu lori. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi Persepsi Orang Ramai Di Permatang Pauh Terhadap Kekurangan Pemandu Lori Yang Mahir Di Malaysia. Kajian ini melibatkan tiga faktor iaitu faktor keselamatan, faktor manfaat dan faktor kemahiran yang mempengaruhi kekurangan pemandu lori yang mahir di Permatang Pauh. Kajian ini menggunakan sumber primer dan sumber sekunder bagi mendapatkan maklumat untuk memenuhi objektif kajian. Pengkaji telah menggunakan borang soal selidik dan telah diedarkan kepada 100 responden untuk memperolehi maklumat kajian manakala penganalisis data dilakukan dengan menggunakan perisian IBM Statiscal Package for Social Science (SPSS). Nilai frekuensi digunakan untuk menganalisa latar belakang responden manakala min digunakan untuk menganalisis ketiga-tiga objektif kajian. Dapatan kajian menunjukan faktor kemahiran paling mempengaruhi kajian ini, diikuti dengan faktor keselamatan dan faktor manfaat. Limitasi dan cadangan kepada pihak yang berkepentingan turut di nyatakan di dalam kajian ini sebagai satu usaha penambah baikkan. Harapan pengkaji agar kajian Persepsi Orang Ramai di Permatang Pauh terhadap Kekurangan Pemandu Lori Yang Mahir di Malaysia ini dapat mengatasi masaalah kekurangan pemandu lori kerana pemandu lori merupakan kerjaya yang penting bagi syarikat pengakutan dan ekonomi di Malaysia.

ABSTRACT

The logistics industry is one of the biggest contributors to Malaysia but now Logistics industry is facing major challenges due to lack of lorry drivers. This study was conducted to identify factors affecting the People's Perspective In Permatang Pauh Against The Lack of Powerful Truck Driver In Malaysia. This study involved three factors, namely safety factor, benefit factor and skill factor that influenced the lack of skilled truck driver in Permatang Pauh. This study uses primary sources and secondary sources for information to meet the objectives of the study. The researcher used questionnaires and distributed to 100 respondents to obtain the survey information while the data analyzer was conducted using the IBM Statiscal Package for Social Science (SPSS) software. Frequency values are used to analyze the respondents' background while min is used to analyze the three objectives of the study. The findings show that the most influential factor of the study, followed by safety factor and benefit factor. Limitations and recommendations to stakeholders are also included in this study as an improvement effort. It is hoped that the study of the People's Perspectives in Permatang Pauh on the Lack of Competent Truckers in Malaysia will overcome the shortage of lorry drivers because lorry drivers are an important career for Malaysian companies and economics.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan

Abstrak

Abstract

Bab 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang 2

1.3 Penyataan Masalah 3-4

1.4 Objektif Kajian 5

1.5 Persoalan Kajian 6

1.6 Skop Kajian 7

1.7 Kepentingan Kajian 8

1.7.1 Syarikat Pengangkutan

1.7.2 Pengguna Jalan Raya

1.7.3 Peyelidik Akan Datang

1.8 Definisi Operasional 9

1.8.1 Manfaat

1.8.2 Keselamatan

1.8.3 Kemahiran

1.8.4 Pemandu

1.8.5 Orang Ramai

1.8.6 Lori

1.9 Batasan Kajian 10

1.9.1 Keselamatan

1.9.2 Lokasi

1.9.3 Responden Yang Tidak Berkerjasama

Bab 2 Sorotan Kajian
2.1 Pengenalan 11
2.2.1 Kemahiran 11-13
2.2.2 Keselamatan 14-15
2.2.3 Manfaat 16-17
Bab 3 Metodologi
3.1 Pengenalan 18-19
3.2 Reka Bentuk Kajian
3.3 Kaedah Pengumpulan Data 20
3.4 Populasi Dan Sampel 21
3.4.1 Populasi
3.4.2 Sampel
3.5 Instrumen Kajian 22-28
3.6 Tatacara Kajian 29-30
3.7 Kaedah Penganalisis Data 30
3.7.1 Kajian Rintis 30
3.7.2 Analisis Deskriptif 31
3.7.3 Analisis Min
3.8 Gantt Chart 32
Bab4 Keputusan Kajian
4.1 Pendahuluan 33
4.2 Analisi Kebolehpercayaan Data 33
4.3 Bahagian A 34
4.3.1 Peratus Responden Mengikut Bangsa 35
4.3.2 Peratus Status Perkhawinan 36
4.3.3 Peratus Status Umur 37
4.3.4 Peratus Pekerjaan Responden 38-39
4.4 Bahagian B

4.5 Analisis Faktor Keselamatan 40-42
4.6 Analisis Faktor Manfaat 43-45
4.7 Analisis Faktor Kemahiran 46-48
Bab 5 Perbincangan, Cadangan dan Kesimpulan
5.1 Pendahuluan 49
5.2 Perbincangan 50-52
5.2.1 Perbincangan Faktor Keselamatan
5.2.2 Perbincangan Faktor Manfaat
5.2.3 Perbincangan Faktor Kemahiran
5.3 Implikasi 53
5.4 Cadangan 54
5.4.1 Syarikat Pengangkutan
5.4.2 Penguna Jalan Raya
5.4.3 Penyelidik Akan Datang
5.5 Kesimpulan 55
RUJUKAN 56-57

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang sedang pesat membangun selepas kemerosotan ekonomi yang teruk pada 2011. Pada hari ini, Malaysia sudah berjaya keluar dari masalah kemerosotan ekonomi dan sekarang semakin hari semakin maju seiring dengan pembangunan dunia pada hari ini. Oleh sebab itu, Malaysia sekarang mendapat nama di mata dunia dalam pelbagai sektor perusahaan di mana merangkumi sektor perindustrian. Topik yang dipilih adalah topik Persepsi Orang Ramai Di Permatang Pauh Terhadap Kekurangan Pemandu Lori Mahir Di Malaysia.

Sektor perindustrian merupakan penyumbang besar pendapatan kepada sesebuah negara melalui sektor perindustrian pengangkutan. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI 2014) juga bersetuju bahawa industri logistik merupakan antara sektor perkhidmatan yang perlu dipertingkatkan kerana perdagangan kekal sebagai sumber sokongan penting bagi Malaysia dalam mengekalkan daya saing Malaysia sebagai sebuah negara dagangan. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapan bajet negara 2014, ada menyebut Malaysia menduduki tangga ke-29 Indeks Prestasi Logistik Laporan Bank Dunia 2012. Indeks ini mengukur penanda aras prestasi aktiviti logistik yang merangkumi penghantaran(S.H.Lim.2012)

Akhir sekali, tanpa bantuan pengangkutan adalah mustahil untuk syarikat melaksanakan fungsi perniagaan dalam ekonomi masa kini. Syarikat pengangkutan adalah merupakan aktiviti logistik yang bertindak bebas ke atas fungsi pengangkutan lain. Syarikat pengangkutan kini mengalami kekurangan pemandu lori di negara kita sudah menjadi masalah bagi industri sejak lebih sedekad yang lalu. Dalam satu laporan persatuan industri berkenaan baru-baru ini, dilaporkan Malaysia sekurang-kurangnya kekurangan kira-kira 5,000 pemandu kenderaan berat.

1.2 LATAR BELAKANG

Pengangkutan bermaksud membawa barangan dari satu tempat ke satu tempat yang lain.Ia juga berfungsi sebagai media yang menghubungkan satu lokasi dengan lokasi yang berlainan. sektor pengangkutan kini merupakan satu prasarana yang penting dalam meningkatkan ekonomi dan perkembangan Malaysia diperingkat global.

Masalah kekurangan pemandu lori menjadi semakin serius di Malaysia , dimana rakyat Malaysia tidak mengetahui kelebihan dan faedah menjadi seorang pemandu lori di Malaysia. Pemandu lori di Malaysia dibayar gaji mengikut kerajinan pekerja menghantar barangan di destinasi yang di tuju atau di tetapkan. Menurut kata Pengarah Urusan Infinity Logistics & Transport Sdn Bhd , K.Y Chan (2015), warganegara Malaysia yang terbabit dalam industri logistic diberi upah bermula daripada RM3,500 Sehingga RM8,000 sebulan.

Malaysia kerap menyatakan ekonomi bertambah pesat, tetapi pada hakikatnya kekurangan import dan eksport serta tempahan lori untuk pengangkutan yang semakin berkurangan dapat dirasai sejak tahun lalu. Perkhidmatan pengangkutan lori memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan ekonomi Negara. Residen Bahagian Sibu Hii Chang Kee berkata, selain daripada mengangkut barang,perkhidmatan lori yang membawa muatan bahan binaan adalah penting bagi pelbagai projek pembangunan. Oleh itu,perkhidmatan pengangkutan lori secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan yang pesat di Sibu.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Industri logistik merupakan salah satu penyumbang terbesar kepada Malaysia tetapi kini Industri logistic menghadapi cabaran besar akibat kekurangan pemandu lori, kebanjiran penggunaan lori tidak menepati piawaian dan ketiadaan pusat transit Kastam dan Imigresen. Pelbagai alasan dan cadangan telah dikemukan oleh pihak berkuasa untuk menguruskan tentang kekurangan pemandu lori di Malaysia. Menurut ,Alvin Chong Setiausaha Persatuan Pemilik Lori Selangor, kekurangan pemandu lori di negara kita sudah menjadi masalah bagi industri sejak lebih sedekad yang lalu. Dalam satu laporan persatuan industri dilaporkan Malaysia kekurangan kira-kira 5,000 pemandu kenderaan berat. Alvin Chong juga mengatakan "Kekurangan pemandu yang baik dan bertanggungjawab sudah menghambat Malaysia sejak 15 tahun lalu," Selain itu, Pengurangan pemandu lori dapat memberi kesan yang kepada ekonomi di Malaysia dan juga turut memberi kesan kepada syarikat pengangkutan. (A.Megan 2015)

http://www.motorme.my/cabaran-industri-logistik-malaysia/

Pemandu lori di Malaysia kebanyaknya tidak mempunyai lesen memandu dan tidak mengikut piawai. Menurut ,Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Seri Nadzri Siron Program MyLesen akan diperluaskan kepada golongan kurang berkemampuan yang ingin mendapatkan lesen memandu vokasional (VDL) bagi kenderaan berat seperti lori dan bas. Pihaknya akan bekerjasama dengan pengusaha lori bagi mengatasi masalah kekurangan pemandu lori. Oleh itu, menurut isu ini, Jabatan Pengangkutan Jalan telah memberi manfaat kepada golongan yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan lesen memandu yang sah bagi mengatasi masalah kekurangan pemandu lori.(A.Ismail 2017)

http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0805&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_12.htm

Di samping itu, segelintir orang di Malaysia memandang rendah terhadap perkerjaan sebagai pemandu lori. Menurut, K.Y Chan Pengarah Urusan Infinity Logistics & Transport Sdn Bhd, aduan sudah berulang-kali diberi mengenai isu kekurangan pemandu namun sehingga ke hari ini, tiada sebarang tindakan dilaksanakan. Dalam hal yang sama, punca kepada masalah yang tidak berpenghujung ini ialah kerana momokan yang mengatakan pekerjaan dalam industri

lori merupakan kerjaya kolar biru. Masyarakat kita melabel dan menolak pemandu lori kerana mereka menganggap pekerjaan itu tiada kelas. Oleh itu, masalah ini dapat memberi kesan kepada syarikat pengangkutan kerana ketiadaan pemandu lori.(A.Megan 2015)

http://www.motorme.my/cabaran-industri-logistik-malaysia/

Selain itu, faktor keselamatan menjadi punca kekurangan pemandu lori,(Utusan Malaysia) Dua cedera ringan dalam kemalangan melibatkan tiga buah lori di Kilometer 302 Lebuh Raya Utara Selatan arah utara dekat sini hari ini. Jurucakap bomba berkata, pihaknya menerima panggilan mengenai kemalangan itu pada pukul 11.16 pagi. Menurutnya, kemalangan melibatkan tiga buah lori membawa buah-buahan, makanan dan aksesori kenderaan. Terdapat tujuh mangsa dalam kemalangan ini dengan dua daripadanya cedera ringan manakala lima orang lagi termasuk seorang kanak-kanak berusia dua tahun tidak mengalami kecederaan. Oleh itu, Faktor keselamatan menjadi punca orang ramai tidak memilih pemandu lori sebagai kerjaya. (Ab Aziz 2017)

http://www.utusan.com.my/berita/nahas-bencana/dua-cedera-dalam-kemalangan-tiga-buah-lori-1.457862

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 Mengenal pasti persepsi orang ramai di Pematang Pauh terhadap faktor keselamatan yang mempengaruhi kekurangan pemandu lori yang mahir di Malaysia.

1.4.2 Mengenal pasti orang ramai di Permatang Pauh terhadap faktor manfaat yang mempengaruhi kekurangan pemandu lori yang mahir di Malaysia.

1.4.3 Mengenal pasti orang ramai di Permatang Pauh terhadap faktor kemahiran yang mempengaruhi kekurangan pemandu lori yang mahir di Malaysia.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1.5.1 Adakah faktor keselamatan mempengaruhi persepsi orang ramai di Permatang Pauh terhadap kekurangan pemandu lori yang mahir di Malaysia ?

1.5.2 Adakah manfaat dapat mempengaruhi persepsi orang ramai di Permatang Pauh terhadap kekurangan pemandu lori yang mahir di Malaysia ?

1.5.3 Adakah kemahiran dapat mempengaruhi persepsi orang ramai di Permatang Pauh terhadap kekurangan pemandu lori yang mahir di Malaysia ?

1.6 SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini,orang awam, industri pengangkutan dan ekonomi Malaysia dalam sektor perindustrian. Faktor-faktor dan juga kesan-kesan kekurangan pemandu lori mahir di dalam sektor perindustrian pengangkutan. Pengkaji memilih untuk mengkaji tentang persepsi orang ramai di sekitar Permatang Pauh kerana untuk mengetahui kekurangan pemandu lori yang mahir. Orang ramai di sekitar Permatang Pauh menjadi rujukan untuk mencari maklumat-maklumat yang diperlukan, pengkaji juga telah memilih 100 orang responden untuk menjawab soalan-soalan yang telah disediakan oleh pengkaji bagi melengkapkan kajian ini. Perpustakaan Politeknik Seberang Perai juga menjadi rujukan untuk mencari maklumat tambahan iaitu buku-buku, surat khabar, jurnal dan sebagainya. Selain itu,pengkaji juga berharap agar orang ramai dpat memberi kerjasama untuk melengkapkan kajian ini.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian dijalankan kerana ia merupakan salah satu kaedah dalam sesuatu masalah yang timbul di dalam sesuatu perkara. Salah satu isu kritikal dalam sektor logistik adalah persepsi kekurangan pemandu lori yang mahir .

1.7.1 Syarikat Pengangkutan

Melalui kajian ini dapat membantu pihak syarikat pengangkutan untuk menyelesaikan masaalah kekurangan pemandu lori di Malaysia.

1.7.2 Pengguna Jalan Raya

Kajian ini dapat membantu pengguna jalan raya untuk merasa lebih selamat memandu di jalan raya. Melalui kajian ini juga dapat memgurangkan kemalangan di jalan raya.

1.7.3 Penyelidik Akan Datang

Melalui kajian ini, ianya akan membantu pengkaji akan datang untuk memperluaskan lagi skop kajian ini dengan lebih mendalam. Kajian ini juga dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji untuk membaik pulih kelemahan diwaktu kajian ini dijalankan pada masa akan datang.

1.8 DEFINISI OPERASIONAL

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang mempunyai maksud dan definisi tertentu . Definisi tersebut adalah dalam kajian ini sahaja :

1.8.1 Manfaat

Menurut kamus dewan edisi kedua manfaat adalah sesuatu yang mendatang kebaikan kepada diri sendiri. Manfaat yang diperolehi yang menjadikan seorang itu ingin menjadi pemandu lori yang berkemahiran tinggi.

1.8.2 Keselamatan

Menurut kamus dewan edisi keempat keselamatan adalah perihal selamat, kesejahteraan, keamanan merupakan sesuatu yang patut dititik beratkan di dalam kajian ini.

1.8.3 Kemahiran

Menurut kamus dewan edisi kedua kemahiran bermaksud kecekapan dan kepandaian melakukan sesuatu. Keselamatan merupakan ssuatu yang patut dititik beratkan di dalam kajian ini kerana kerjaya pemandu lori yang professional perlu mempunyai kemahira yang tinggi.

1.8.4 Pemandu

Menurut kamus pelajar edisi keduan pemandu bermaksud 1 orang yang memandu sejenis kenderaan atau yang menunjukan jalan.

1.8.5 Orang Ramai

Menurut kamus dewan edisi kedua orang ramai bermaksud khalayak ramai, orang banyak, umum.

1.8.6 Lori

Menurut kamus pelajar edisi kedua lori bermaksud beberapa jenis kenderaan pengangkutan barangan berat.

1.9 BATASAN KAJIAN

Semasa menjalankan kajian, terdapat beberapa batasan kajian yang dihadapi oleh penyelidik. Antaranya ialah kekangan dari segi pengangkutan kos, dan juga lokasi kajian. Hal ini akan memberi kesan kepada penyelidikan yang dilakukan. Kajian ini dijalankan dengan meggunakan kajian soal selidik. Dengan ini, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan maklum balas melalui soal selidik. Dalam kajian ini, penyelidik membataskan kajian kepada perkara-perkara tertentu sahaja supaya skop kajian tidak terlalu luas.

1.9.1 Keselamatan

Faktor keselamatan adalah amat penting semasa menjalankan kajian ini kerana lokasi yang pengkaji pilih untuk membuat kajian ini adalah sangat sibuk dan merupakan kawasan tumpuan Pengkaji terpaksa melalui kesesakan lalu lintas untuk menyelesaikan kajian ini.

1.9.2 Lokasi

Dari segi batasan pengangkutan,kami tidak mempunyai kereta sendiri,Kami terpaksa menggunakan motosikal sendiri dan juga ahli kumpulan kita telah pun menggunakan pengangkutan awam untuk ke tempat kajian. Selain itu , penggunaan motosikal di jalan raya amat berbahaya kerana keadaan lalu lintas yang agak sibuk di kawasan kajian .Dalam batasan lokasi kajian kami menghadapi masalah kerana seringkali mengubah lokasi menemuduga .

1.9.3 Responden Yang Tidak Berkerjasama

Kajian yang telah pengkaji lakukan tentang persepsi orang ramai di Permatang Pauh terhadap kekurangan pemandu lori yang mahir di Malaysia. Semasa kajian ini dijalankan,terdapat segelintir orang yang tidak meluangkan sedikit masa untuk menjawab soalan-soalan yang pengkaji sediakan, ini menyebabkan proses pengumpulan data mengambil masa yang agak lama untuk di siapkan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Penyelidikan menjalankan kajian persepsi orang ramai di Permatang Pauh terhadap kekurangan pemandu lori yang mahir di Malaysia. Terdapat beberapa faktor yang diambil kira dalam pemilihan ini. Antara faktor yang dapat dikenalpasti ialah faktor kemahiran, faktor manfaat dan faktor keselamatan. Faktor ini merupakan tiga faktor utama yang mempengaruhi kekurangan pemandu lori yang mahir. Faktor ini juga bertujuan untuk mengenalpasti masalah kekurangan pemandu lori yang mahir.

2.2.1 KEMAHIRAN

Menurut (Dr.Ewon, 2011), Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata kemahiran penting bagi setiap individu bagi membolehkan seseorang itu layak mendapat kerjaya berdasarkan kemahiran yang beliau miliki. Jika kemahiran tidak di pandang serius, hal ini akan merumitkan lagi keadaan di mana pelbagai masalah yang akan berlaku jika seseorang itu tidak mahir dalam sesebuah kerjaya. Setiap orang mempunyai kemahiran tersendiri yang di pelajarinya, pemandu lori yang berkemahiran tinggi dalam industri pengangkutan juga memainkan peranan penting dalam memastikan industri pengangkutan di Malaysia terus berjalan lancar tanpa sebarang masalah yang tak diingini berlaku. Oleh itu, pemandu lori yang berkemahiran tinggi dapat dilihat melalui cara seseorang itu mengedalikan lori ketika kecemasan serta sepanjang perjalanannya memandu lori .

Malaysia mempunyai keupayaan bagi inovasi tetapi kekurangan kemahiran untuk mengkomersialkan dan memasarkan ciptaan. Hal ini terbukti bahawa Malaysia kekurangan pemandu lori yang mahir dalam sektor perindustrian, bagi mengelakkan masalah ini, kerajaan perlu mengambil tindakan bagi memastikan Malaysia mempunyai pemandu lori yang mahir dalam sektor perindustrian, langkah-langkah yang perlu Malaysia lalui ialah mengasahkan bakat atau kemahiran rakyat Malaysia supaya dapat mengelakkan kekurangan pemandu lori di masa hadapan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 , menyatakan pelajar yang meninggalkan alam persekolahan perlu menguasai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) untuk bersaing pada peringkat global yang semakin mencabar.

Menurut (L.L.Meng, 2010), Setiausaha Bahagian Tabung Pembangunan Kemahiran berkata kekurangan kemahiran pemandu lori mahir juga berpunca dari masalah kewangan. Malah, bagi mereka yang berhasrat meningkatkan kemahiran, memang ada peluang untuk berbuat demikian. Bagaimanapun peluang terjejas ekoran ketiadaan sumber kewangan. Pada hari ini kekurangan-kekurangan itu boleh diatasi dengan kewujudan Tabung Pembangunan Kemahiran oleh Kementerian Sumber Manusia. Selain itu, pada masa yang sama ada juga pekerja ataupun mereka yang baru sahaja menamatkan persekolahan ataupun pengajian boleh memohon mendapatkan bantuan kewangan dari Kementerian Sumber Manusia.

Berdasarkan keperluan ini, mengenai tugasan fizikal asas yang diperlukan, seseorang pemandu mestilah berupaya untuk mengawal arah dan pecutan. Bagi kenderaan bermotor tugasan lebih lanjut termasuklah membuat keputusan baik berasakan faktor seperti kenderaan jalan dan lalu lintas seperti pemanduan mengelak, kedudukan tangan dan tempat duduk yang betul, kawalan semasa tergelincir dan teknik mengendalikan stereng dan brek. Gangguan ini boleh menjejaskan kemahiran mental semasa memandu di jalan raya menurut kata (S.L.S Wool, 2014).

Menurut (D.Ismadi, 2017), mengenai telefon bimbit dan keselamatan pemandu, ketika mengawal pemanduan di jalan raya, pemandu yang mengunakan telephone bimbit menunjukan kejejaskan yang lebih teruk daripada pemandu mabuk. National Highway Traffic Safety Administration (NHTSA) yang merupakan bahagian daripada U.S. Transportation Department berkata gangguan ketika pemanduan adalah aktiviti yang boleh mengalihkan perhatian seseorang daripada menumpukan perhatiannya kepada pemanduan. Selain itu, bukan sahaja tabiat membalas mesej dan membuat panggilan telefon merupakan perkara yang mengganggu pemanduan, malah aktiviti seperti makan dan minum, merokok, menggunakan sistem navigasi, menukar siaran radio, menukar suhu pendingin hawa, menambah gincu bagi kaum hawa, betulkan tudung juga antara faktor yang boleh menggangu kosentrasi pemandu.

Menurut (Zainal , 2006), kerajaan perlu memantau secara serius latihan pemanduan dari segi pengalaman dan kecergasan fizikal pemandu lori sebelum mereka dibenarkan memandu perjalanan yang jauh. Sesetengah pemandu lori yang baru menerima lesen memandu kenderaan perdagangan telah diarahkan memandu jarak jauh serta-merta. Terdapat kes pada 26 Disember lalu, lori yang sedang dalam perjalanan ke Kangar dari Klang terbabas dan melangar pembahagi jalan di KM272.8, Projek Lebuh Raya Utara-Selatan [PLUS] arah utara, kira-kira lapan kilometer selepas Plaza Tol Ipoh Selatan. Ini menyebabkan kekurangan kecergasan fizikal pemandu lori tersebut.

2.2.2 KESELAMATAN

Menurut (Ali et al, 2009) menyatakan mengenai keselamatan turut menjadi agenda yang utama sesebuah organisasi kerana disedari bahawa persekitaran yang selamat dan tidak mendatangkan risiko adalah hal yang penting kepada semua pekerja. Pekerjaan yang berisiko berlakunya kemalangan menyebabkan masalah yang serius terhadap organisasi dan meningkatkan kos terhadap industri serta negara. Selain itu, keselamatan dan kesihatan di tempat kerja juga perlu diambil serius dalam memastikan tiada risiko yang akan mengakibatkan kemalangan dan memberi kesan kepada pekerja syarikat dan kawasan persekitaran.

Menurut (F.C.Onn, 2002). ,kerajaan telah menubuhkan Akta Keselamatan pekerjaan 1994 (AKPP 1994) dengan beberapa tujuan. Antaranya adalah untuk memastikan kesihatan, keselamatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja, melindungi keselamatan dan kesihatan orang lain pekerja yang berada ditempat kerja, mempromosikan persekitaran pekerjaan yang sesuai dengan kehendak psikologi dan fisiologi serta mewujudkan satu kaedah ke arah sistem perundangan berdasarkan peraturan dan tata amalan industri.

Menurut (Aqilah et Riza, 2010), Pengerusi Institut keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), berkata, isu pembudayaan kerja selamat (*safety culture*) memerlukan perhatian dari seluruh pihak samada majikan ataupun pekerja. Baginya, budaya tidak berupaya dibentuk dalam masa yang singkat kerana menurut beliau, adalah sukar untuk mencapai sasaran kemalangan kerana budaya keselamatan bukanlah amalan sedia ada dalam masyarakat di Malaysia. Kemalangan dalam sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi yang mencatatkan jumlah kemalangan maut sebanyak 9 kes, diikuti tanpa hilang upaya kekal (THUK) sebanyak 59 kes dan hilang upaya kekal (HUK) sebanyak 2 kes. Hal ini disebabkan hampir keseluruhan sektor pengakutan, penyimpanan dan komunikasi menggunakan alatan jentera seperti kontena dan forklif dan serta peralatan mesin dalam kerja mereka yang mengundang bahaya akibat dari pelbagai faktor.

Menurut (T.W.Wah, 2014), keselamatan jalan raya satu keutamaan di semua negara bagi menurunkan angka kemalangan dan kecederaan di kalangan pengguna-pengguna jalan raya. UN Road Safety Collaboration juga telah merangka pelan tindakan berasaskan lima Tonggak Strategik; Pengurusan Keselamatan Jalan Raya, Mobiliti dan Jalan Raya yang Lebih Selamat, Kenderaan yang Lebih Selamat, Pengguna Jalan Raya yang Lebih Selamat serta Pengurusan Pasca Kemalangan yang telah dijadikan sebagai asas Pelan ini. Keselamatan jalan raya adalah isu kesihatan awam dan pembangunan yang perlu dititik-beratkan kerana ia mungkin mendatangkan kesan negatif kepada ekonomi, kesihatan dan juga kebajikan orang ramai. Setiap hari, lebih daripada 3,500 orang terkorban dan 137,000 lagi tercedera akibat kemalangan jalan raya di serata dunia. Di Malaysia, sebanyak 6,915 kematian akibat kemalangan jalan raya dicatatkan dalam tahun 2013. Secara purata, 19 orang terkorban akibat kemalangan jalan raya setiap hari di Malaysia. Anggaran yang membimbangkan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk mengadakan dasar keselamatan jalan raya yang lebih berkesan.

Menurut (Mardin Abdullah, 2009), Persatuan Automobil Malaysia (Automobile Assosiation of Malaysia, AAM) menggalakkan ahli-ahlinya memasang penjejak pintar (AAM smart tracker) untuk menjejak kenderaan yang dicuri. Penjejak pintar ini menggunakan GPS untuk mengesan lokasi kenderaan tersebut. Memandangkan banyaknya berlaku kemalangan jalanraya berpunca daripada bas yang dalam perjalanan jauh, maka kerajaan telah menyarankan agar pengusaha bas melengkapkan kenderaan penumpang tersebut dengan alat penerima GPS. Dengan itu pengusaha bas boleh memantau kelajuan lori yang dipandu serta kedudukan lori juga boleh diketahui. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) menggunakan alat penerima jenis *Trimble* untuk menentukan kedudukan untuk membina peta. Dalam ketenteraan, kedudukan yang jitu sangat diperlukan untuk pelancaran peluru berpandu bagi memastikan ia tidak tersasar ke tempat lain yang boleh membahayakan orang awam.

2.2.3 MANFAAT

Menurut kata (Syed Hamid Albar, 2013) memperolehi manfaat dapat menyumbang kepada industri pengangkutan. Jalan raya yang tidak sesak memberikan lebih banyak ruang. Justeru itu, jika setiap orang menggunakan pengangkutan awam, pemandu-pemandu lori akan lebih mudah untuk bergerak, mempunyai lebih ruang untuk menghentikan lori dan pemanduan akan lebih selamat dijalan raya.

Menurut (Harper, R.S & Koehn, E. 1998), masa sentiasa mencemburui kita, dan masa amatlah penting bagi pemandu lori untuk mengejar jadual mereka yang padat dan tidak menentu. Dengan penggunaan pengakutan awam, bukan sahaja dapat menjimatkan masa, malah mampu membantu pemandu-pemandu lori ini untuk menjimatkan masa mereka bagi menghantar keperluan kita pada waktu yang telah dijanjikan. Penggunaan pengangkutan awam juga merupakan salah satu cara untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Jika kemalangan jalan raya berkurangan, pemandu lori akan mempunyai perjalanan yang lebih lancer

Menurut (Rokiah Salim, 2017), waktu kerja fleksibel membezakan bekerja di kilang lebih sukar berbanding menjadi pemandu lori. Menjadi pemandu lori tidak dikongkong waktu pejabat dan ada ruang masa yang fleksibel. Malah pendapatan juga berlipat kali ganda. Gaji Rm 7,000 sebulan, usaha yang tidak kenal erti putus asa berbaloi apabila mampu memperolehi pendapatan Rm7,000 sebulan tidak termasuk bonus, komisen dan elaun makan. Biasanya pendapatan pemandu lori boleh mencecah Rm 4,000 sebulan jika bekerja lebih masa boleh mencapai pendapatan dari Rm6,000 hingga Rm7,000. Dalam konteks ini mengatakan bahawa menjadi pemandu lori tidak dipandang hina oleh masyakat awam kerana gaji yang ditawarkan tinggi dari bekerja kilang biasa.

Menurut (Kamezaim, 2014), Kos untuk mendapatkan Lesen E dan GDL (Bersendi) adalah RM 2,500.00. Jika gagal dalam sesi ujian dengan JPJ, untuk membuat sesi ujian ulangan haruslah membayar sebanyak RM 200.00. Tidak perlu memandang rendah pada seorang yang bergelar pemandu lori terutama pemandu "Prime Mover". Sepatutnya kita harus menghormati pada pemandu lori tersebut kerana dia berjaya memiliki Lesen E dan GDL (Bersendi). Untuk pengetahuan, bukan senang untuk memiliki Lesen E dan GDL tersebut. Dalam konteks ini mengatakan kos untuk mengambil lesen E dan GDL agak mahal, namun jika sesesorang itu telah mendapat lesen terbsebut masyarakat awam perlu menghormati kepadanya kerana memandu lori bukannya mudah bagi seseorang itu. Oleh itu, dengan lesen yang ada mampu beri manfaat untuk mencari pulangan semula untuk menampung kewangan yang di gunakan untuk membuat lesen tersebut.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 PENGENALAN

Metodologi merupakan satu kaedah yang digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat dan data-data berkaitan kajian dengan tepat. Maklumat dan data-data ini boleh diperolehi melalui pelbagai cara iaitu seperti pengumpulan data, persampelan, tinjauan dan borang soal selidik terhadap responden. Sebelum kajian dijalankan, penyelidik perlu mengenalpasti ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan menunjukkan sesuatu kajian tersebut mempunyai kredibiliti yang tinggi sepanjang kajian penyelidikan dilakukan.

Menurut Cheon dan Manion (1996), metodologi merupakan pendekatan yang digunakan dalam memastikan objektif-objektif atau persoalan kajian dapat dipenuhi. Justeru itu, bab ini akan menerangkan mengenai reka bentuk kajian, sampel kajian, skop kajian, instrument kajian, pengumpulan data dan menganalisis data.

3.2REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah plan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan Sabitha (2006), ia juga berfungsi sebagai panduan dalam membentuk pengkaji dalam proses mengumpul, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Reka bentuk penyelidikan juga menjadi modal bagi membolehkan pengkaji membuat inferens berkenaan dan pemboleh ubah yang dikaji.

Selain itu, menurut Bobbie (1990), kajian jenis tinjauan ini dapat menyumbangkan maklumat yang maksimum melalui persoalan kajian yang dikemukakan kepada responden. Kajian ini merupakan satu bentuk penjelasan keatas kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu mengkaji persepsi orang awam di Pulau Pinang terhadap kekurangan pemandu lori yang mahir di Malaysia . Menurut Marican (2006), kajian tinjauan yang dijalankan ke atas sampel dalam sesuatu populasi. Sampel yang terlebih mestilah mempunyai ciri-ciri atau sifat-sifat populasi yang ingin dikaji supaya maklumat yang diperoleh melalui kajian berkenaan boleh memberi kenyataan dan gambaran umum tentang keseluruhan populasi yang dikaji. Oleh itu, pengkaji memilih responden dari golongan remaja hingga dewasa dimana berumur dari 18 tahun hingga ke-50 tahun yang menetap dikawasan PematangPauh, PulauPinang.

Best J.W dan Khan J.V (1998), menyatakan bahawa kajian tinjauan merupakan satu kaedah penyelidikan yang dapat memperjelaskan keadaan semasa. Kaedah tinjauan juga dapat menjimatkan masa, kos, dan tenaga manusia berbanding dengan kaedah lain. Kaedah ini lebih tepat kerana dapat memastikan objektif kajian tercapai melalui analisa borang soal selidik yang diedarkan kepada setiap responden.

Menurut Marican (2006), lagi kajian tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai iaitu ratusan ataupun ribuan responden. Justeru itu, salah satu tujuan menjalankan kajian tinjauan ialah untuk membuat kenyataan umum *(generalization)* tentang sesuatu populasi. Dalam kajian ini populasi kajian adalah orang awam dikawasan Pematang Pauh, Pulau Pinang.

3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Semasa proses mendapatkan maklumat yang lengkap, terdapat dua sumber yang diguna pakai iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Data primer merupakan sumber utama dan merupakan sumber bahan mentah yang digunakan dalam menjalankan kajian. Data yang terkumpul bertujuan untuk melihat objektif sebenar kajian yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik kepada responden yang telah dikenalpasti.

Menurut Mohd Majid Konting (1993), menyatakan bahawa soal selidik merupakan kaedah penyelidikan yang digunakan bagi memperolehi sesuatu maklumat primer. Ia juga merupakan alat untuk mengumpul data yang berhubung dengan ciri-ciri elemen yang disampelkan dari populasi tertentu. Soal selidik juga mempunyai beberapa kebaikan berbanding dengan kaedah lain dalam proses penyelidikan untuk mendapatkan maklumat yang kualitatif dan kuantitatif.

Selain itu, data sekunder juga digunakan untuk mengukuhkan lagi hujah di dalam penyelidikan ini selain menggunakan data primer. Data-data sekunder penting dalam mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam. Data sekunder diperolehi melalui internet dan artikel-artikel yang berkaitan dengan kekurangan pemandu lori yang mahir dan risalah-risalah yang berkaitan.